

Headline	1,400 peserta sertai TNB JMFR		
MediaTitle	Kosmo		
Date	19 Apr 2019	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Negara	Page No	16
ArticleSize	112 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,753		



## 1,400 peserta sertai TNB JMFR

LUMUT - Hampir 1,400 peserta dijangka menyertai acara jelajah berbasikal Janamanjung Fellowship Ride (JMFR) anjuran Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada 28 April ini.

TNB dalam kenyataannya memaklumkan, penganjuran tahun ini juga bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-20 kewujudan Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah di Manjung itu bertemakan *Cycling for Green*.

Katanya, tema itu dipilih bagi menyokong usaha pemuliharaan alam sekitar dengan yuran RM10 akan disumbangkan kepada projek tanaman semula pokok di pesisir pantai sekitar Manjung.

"Dengan berbaki 11 hari sahaja sebelum menggegarkan bumi Manjung, kami menerima penyertaan pengayuh amatur dan berpengalaman dari dalam dan luar negara," demikian menurut kenyataan TNB di sini semalam.

Tambah kenyataan itu, peserta bakal mengayuh sejauh 121 kilometer dari Teluk Batik merentasi pekan Parit dan Air Tawar, sebelum kembali ke Teluk Batik dengan upacara pelepasan disempurnakan Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Isnaraissah Munirah Majilis.

JMFR diperkenalkan pada 2008 dan mula menjadi program tahunan negeri Perak sejak 2015.